



### **YOUNG SOCIALPRENEUR PROGRAMME 3.0**

Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Jabatan Kolej Komuniti (POLYCC) serta PKT Logistic Sdn. Bhd. menganjurkan **Young SocialPreneur Programme 3.0 (YS2P 3.0)** peringkat Kebangsaan. Fokus utama pertandingan ini adalah mendidik pelajar dan membudayakan keusahawanan sosial.

YS2P 3.0 merupakan satu pertandingan berkonsepkan keusahawanan sosial yang mempunyai kesan positif dan impak berterusan menyalurkan dana keuntungan kepada badan-badan kebajikan/organisasi yang terpilih.

Pertandingan yang berprestij ini terbuka kepada semua pelajar POLYCC dan akan diisytiharkan di The Malaysia Book of Records (MBR) sebagai *“The Biggest Judging Online Event in a Young Social Entrepreneurship Competition”* buat kali ke-3.

**TEMA : ENTREPRENEURSHIP FOR SUSTAINABLE FOR LIFESTYLE**

#### **SYARAT & KRITERIA**

- Terbuka kepada semua pelajar POLYCC
- Setiap kumpulan mesti terdiri dari SEPULUH (10) orang pelajar dan salah seorang dilantik sebagai CEO kumpulan
- Setiap kumpulan perlu dibimbing oleh DUA (2) orang MENTOR yang terdiri daripada pensyarah institusi berkenaan
- MENTOR perlu mendaftarkan peserta secara *online* di <http://ys2p.polisas.edu.my>
- MENTOR perlu memilih SATU Badan **Kebajikan/Organisasi yang berdaftar**.
- Setiap kumpulan perlu merancang SATU (1) **program keusahawanan sosial yang berasaskan perniagaan** yang memberi **IMPAK** yang berterusan
- Setiap kumpulan perlu menghantar video pendek berdurasi **maksimum** 3 minit dan mesti dimuatnaik ke dalam YOUTUBE yang menjelaskan tentang perniagaan berdasarkan Business Model Canvas (BMC) tentang keusahawanan sosial yang akan dijalankan (rujuk spesifikasi & isi Kandungan Video Pitching)
- Hanya satu (1) rakaman video sahaja perlu dihantar untuk dinilai
- Borang penyertaan yang telah dicetak dan disahkan oleh pengarah perlu diemel kepada [ys2p@polisas.edu.my](mailto:ys2p@polisas.edu.my)

## FASA 1

MAC HINGGA 9 APRIL 2023

- Pendaftaran Peserta dibuka pada Mac 2023
- Penghantaran video pendek berdurasi maksimum 3 minit yang menjelaskan tentang perniagaan Business Model Canvas (BMC) berasaskan idea keusahawanan sosial yang dijalankan dan dimuatnaik ke dalam YOUTUBE.

**TARIKH TUTUP PENDAFTARAN: 9 APRIL 2023**

- Pertandingan Usahawan Muda Paling Ramai secara online bagi tujuan pengiktirafan Malaysian Book of Records (MBR)  
*“The Biggest Online Judging Event in A Young Social Entrepreneurship Competition”*
- Sekiranya ahli kumpulan tidak hadir pada sesi perhimpunan **MALAYSIA BOOK OF RECORDS (MBR)**, secara automatik kumpulan tersebut akan digugurkan (disqualified) daripada Pertandingan **YS2P 3.0**
- Sijil MBR akan atas nama institusi akan dikeluarkan dengan kadar bayaran minima yang ditetapkan oleh **Malaysia Book of Records**.

**TARIKH MBR: 18 APRIL 2023**

- Sesi penjurian akan diadakan untuk memilih 50 kumpulan terbaik.
- Pengumuman 50 kumpulan terbaik untuk menyertai *Boot Camp* akan dihubungi dengan melalui surat rasmi)

## FASA 2

04 JULAI HINGGA 06 JULAI 2023

- **LIMA PULUH (50)** Kumpulan TERBAIK yang terpilih **WAJIB** menyertai **Boot Camp**:

**Tarikh** : 04-06 Julai 2023 (tertakluk kepada perubahan tarikh)

**Tempat** : Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS)

**Peserta** : 50 kumpulan Terbaik

(\*Penginapan dan pengangkutan tanggungan institusi masing-masing)

- Setiap kumpulan perlu menyediakan *Slide Presentation* berkaitan projek mereka

### **BOOT CAMP:**

- Sesi Taklimat dan Bengkel Keusahawanan Sosial diadakan pada hari pertama
- Saringan pertama dijalankan semasa *Boot Camp* pada hari ke 2 untuk memilih 20 kumpulan terbaik
- 20 kumpulan terbaik akan diumumkan
  - 20 kumpulan terbaik akan melalui saringan ke 2
  - Saringan ke 2 adalah proses **pembentangan** dan sesi **temuduga** oleh Dato' Seri (Dr.) Michael Tio, CEO PKT Logistics Sdn. Bhd.
  - Format Saringan ke 2 adalah:
    - i. 5 minit persediaan temuduga
    - ii. 15 minit pembentangan di hadapan Panel
    - iii. 15 minit soal-jawab
- **SEPULUH (10) Kumpulan** akan disenarai pendek
- **Modal** bernilai RM 1000 akan dihadiahkan kepada setiap kumpulan yang disenarai pendek untuk memulakan projek **YS2P 3.0**

### **FASA 3**

**JULAI – OKTOBER 2023**

- Sepuluh (10) *Finalist* akan memulakan projek
- Perkara berikut perlu dihantar secara *online* dengan log masuk ke sistem pendaftaran di <http://ys2p.polisas.edu.my> sebelum **17 Oktober 2023**

Laporan Akhir Projek  
Penyata Akaun  
Vlog Tiktok

- **Kriteria Pemarkahan:**
  1. Amaun yang dijana  
*\*\*Setiap kumpulan perlu mengambilkira semua perbelanjaan*
  2. Amaun yang disumbangkan
  3. Pelaksanaan projek

- **Grand Finale YS2P 3.0** akan diadakan di The Ship PKT Logistic Sdn. Bhd., Batu Kawan, Pulau Pinang yang merangkumi tiga aktiviti:
  - i. SE Convention
  - ii. Pembentangan Akhir
  - iii. Malam Anugerah
  
- 10 kumpulan finalis akan melalui sesi pembentangan dan temuduga akhir untuk merebut tempat pertama, kedua dan ketiga berdasarkan rubrik yang telah disediakan.
  
- Majlis makan malam dan showcase akan diadakan bagi tujuan meraikan semua peserta pertandingan **YS2P 3.0**. Di majlis ini juga setiap kumpulan peserta akan menyerahkan **Mock Cheque** keuntungan kepada Badan Kebajikan/Organisasi yang terlibat.
  
- **ANUGERAH dan HADIAH YS2P 3.0** adalah:
  - 1. Anugerah Utama (Trofi, Wang Tunai & Sijil)
  - 2. Anugerah Penajaan Dana Tertinggi (Trofi, Wang Tunai & Sijil)
  - 3. Anugerah Projek SE (Trofi, Wang Tunai & Sijil)
  - 4. Anugerah Mentor Terbaik (Trofi & Sijil)
  - 5. Anugerah CEO Terbaik (Trofi, Tajaan Biasiswa RM 80,000 & Sijil)
  - 6. Anugerah Khas Penaja (Trofi & Sijil)
  - 7. Anugerah Vlog Tik Tok Paling Popular (Trofi & Sijil)